



Mengekalkan momentum dalam Dialog Damai di Selatan Thailand

Crisis Group Asia Briefing N°172

Bangkok/Brussels, 19 April 2022. Diterjemahkan daripada edisi bahasa Inggeris.

Apa yang baru? Dialog damai antara kerajaan Thai dan kumpulan separatis Barisan Revolusi Nasional (BRN) yang disambung semula setelah tergantung selama dua tahun ini membawa kepada komitmen daripada kedua-dua pihak untuk menghentikan permusuhan sepanjang bulan Ramadan, dan juga kepada persetujuan yang lebih luas untuk membincangkan pengurangan kekerasan serta penyelesaian politik berdasarkan konsultasi awam.

Kenapa ini penting? Pada 2021, kerugian yang berkaitan dengan pemberontakan di wilayah ini meningkat buat kali pertama sejak 2012. Konflik ini telah mengorbankan lebih daripada 7,300 orang sejak 2004. Kegagalan dalam rundingan di Malaysia boleh menyebabkan perpecahan dalam BRN sehingga sayap tenteranya akan menolak dialog. Ini pula akan mencetuskan perlawanan yang lebih dahsyat, dan penyelesaian konflik juga akan semakin jauh.

Apa yang harus dilakukan? Kedua-dua pihak perlu meningkatkan persefahaman dalaman mengenai penyelesaian konflik melalui dialog. Kerajaan Thai harus mencurahkan lebih banyak sumber kepada delegasinya, manakala BRN pula harus merapatkan hubungan antara sayap tentera dan sayap politiknya. Sebagai fasilitator, Malaysia perlu menghormati kehendak para pihak yang terlibat dalam konflik mengenai format serta isi dialog.

I. Gambaran Keseluruhan

Dialog rasmi antara kerajaan Thai dan Barisan Revolusi Nasional (BRN), yang disambung semula pada Januari ini setelah lama tergantung gara-gara Covid-19, mencapai pengesahan Prinsip Am Proses Dialog Damai dan komitmen bersama untuk mengurangkan kekerasan sepanjang bulan Ramadan. Proses dialog ini telah dimulakan sekitar dua tahun yang lalu, apabila para wakil BRN, yang merupakan kumpulan pemberontak Melayu-Muslim utama, sanggup datang ke meja dialog secara sukarela buat kali pertama. Pertemuan selanjutnya terbantut akibat penyebaran Covid-19, tetapi dalam satu pertemuan melalui saluran belakang (back-channel talks) pada November 2019, satu protokol telah dibincang

tentang pengurangan kekerasan, konsultasi awam dengan rakyat tempatan di wilayah-wilayah sempadan selatan Thailand, dan komitmen terhadap penyelesaian politik bagi konflik. Prinsip-prinsip ini termaktub dalam Prinsip Am. Walaupun terdapat beberapa perkembangan seperti di atas, proses ini masih berhadapan dengan masalah-masalah struktural seperti kekurangan kesatuan pada kedua-dua pihak, keterbatasan kemampuan dan rasa saling tidak percaya. Kedua belah pihak harus meningkatkan persefahaman dalaman bahawa konflik ini perlu diselesaikan melalui rundingan, bukan melalui kuasa ketenteraan. Sebagai fasilitator, Malaysia harus lebih bertolak ansur (fleksibel) tentang format serta isi dialog.

Pada Januari tahun ini, pemberontakan pemisah di selatan Thailand telah memasuki tahun yang kesembilan belas. Para pejuang bersenjata masih meneruskan penggunaan kekerasan untuk mempertahankan jati diri Melayu-Patani daripada apa yang dipandang oleh mereka sebagai penjajahan Thai. Pemberontakan mereka dicirikan dengan sabotaj, pembunuhan orang yang disyaki sebagai tali barut kerajaan, serangan dengan menggunakan alat-alat letupan reka ganti (improvised explosive device, IED), dan serang hendap skala kecil terhadap pasukan keselamatan. Jumlah insiden mula berkurangan sejak para pihak yang berkonflik memulakan dialog damai pada 2013, dan kecenderungan ini semakin jelas setelah rampasan kuasa oleh tentera pada 2014, tetapi jumlah mangsa meningkat semula pada 2021. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, pasukan keselamatan Thai menguatkan tekanan terhadap para pejuang melalui operasi pengepungan dan penggelodahan, dan sebagai akibat jumlah mangsa dalam kalangan pemberontak semakin meningkat. Dalam kalangan orang Melayu-Muslim, ada yang memberikan kehormatan secara terbuka terhadap para pejuang yang gugur syahid. Gejala seperti ini jelas menunjukkan bahawa penderitaan dan ideologi yang mendasari pemberontakan masih tetap berpengaruh.

Perkembangan dalam proses hanya diumumkan sekali-sekala sahaja. Pertemuan-pertemuan secara rasmi yang difasilitasi oleh Malaysia merupakan manifestasi yang paling mudah diamati, tetapi ia disokong oleh perbincangan-perbincangan melalui saluran belakang yang diadakan secara sejajar dengan proses rasmi. Para pihak yang terlibat dialog hanya membuka sebahagian sahaja daripada maklumat tentang pertemuan tak rasmi ini, terutamanya kerana Malaysia tidak senang hati dengan pertemuan yang diadakan di luar kelolaannya. Walau bagaimanapun saluran belakang ini telah terbukti amat bermanfaat, dalam memudahkan BRN untuk kembali semula ke meja rundingan dan melahirkan cadangan-cadangan yang substantif. Akhirnya, melalui saluran belakang inilah terhasil sebuah protokol yang digunakan sebagai kerangka bagi dialog rasmi yang disambung semula pada Januari ini.

Adanya kerangka yang luas seperti ini memang menggalakkan, namun proses juga menghadapi beberapa cabaran yang serius. Sikap yang tidak jelas terhadap dialog pada kedua-dua pihak menjadi halangan bagi harapan untuk menyelesaikan konflik melalui dialog. BRN pernah mengalami perpecahan antara sayap tentera dan sayap politik, dan sayap tentera hanya mula bersetuju dengan dialog pada pusingan yang terakhir ini. Pada pihak Thai pula, beberapa orang pegawai mempunyai kekhuatiran bahawa BRN cuba meningkatkan isu konflik ini kepada peringkat antarabangsa untuk mengundang campur tangan

daripada negara-negara luar. Pembinaan mekanism konsultasi awam juga menjadi cabaran bagi birokrasi Thai yang kaku, yang hampir tidak membenarkan pandangan yang bertentangan dengan kerajaan. Pengurangan kekerasan pula bergantung pada kerjasama daripada sayap tentera, tetapi panel dialog hampir tidak mempunyai pengaruh atas mereka. Pengumuman untuk menghentikan permusuhan sepanjang bulan Ramadan memang dialu-alukan. Tetapi gencatan senjata ini disetujui secara terburu-buru, dan direka bentuk untuk menunjukkan hasil yang konkrit tanpa pembinaan saling kepercayaan yang mencukupi serta mekanism pemantauan yang boleh dipercayai. Oleh itu kerangka ini kemungkinan juga akan gagal.

Walaupun menghadapi halangan-halangan seperti ini, dialog yang disambung semula antara Bangkok dan BRN merupakan perkembangan yang positif, dan para penyokong proses dalam semua pihak harus memastikan agar momentum yang positif ini tetap dikekalkan. BRN harus merapatkan hubungan antara sayap tentera dan sayap politiknya. Pertubuhan ini juga perlu diberikan sumber teknikal dan ruang yang secukupnya untuk tujuan ini. Para pemimpin Thai pula perlu mengesahkan dialog secara terbuka sebagai satu cara untuk menamatkan konflik, baik untuk membina keyakinan terhadap proses mahupun untuk meyakinkan orang-orang yang mencurigai proses bahawa ia sesuai dengan pertahanan kedaulatan negara. Kerajaan Thai juga harus membiayai sekretariat dialog penuh masa, dan memastikan agar pasukan keselamatannya menghormati persetujuan yang dicapai di meja rundingan. Akhir sekali, Malaysia perlu meninjau semula prosedur fasilitasi untuk memastikan agar ia sesuai dengan kehendak para pihak yang berkonflik, termasuk juga menjaga perhubungan secara langsung antara para pihak dalam saluran belakang yang tidak rasmi menurut budi bicara mereka sendiri.

II. Perkembangan Dialog

Dialog antara kerajaan Thai dan para pejuang Melayu-Muslim, dengan Malaysia sebagai fasilitator, dimulakan sejak April 2013.¹ Dialog ini kononnya bertujuan untuk menamatkan pemberontakan yang dicituskan semula pada 2004, yang mengorbankan 7,300 orang dan mencederakan lebih daripada 13,500 orang lagi hingga kini. Namun demikian, patut disoalkan adakah para pihak yang menyertai dialog ini benar-benar mengutamakan komitmen yang ikhlas untuk menamatkan konflik daripada keuntungan taktik yang diperolehi daripada penyertaan dalam proses.² Ramai pemerhati mengkritik dialog rasmi yang pertama dengan BRN

¹ Untuk laporan awal tentang dialog, lihat Laporan Asia Crisis Group N°270, *Southern Thailand: Dialogue in Doubt*, 8 July 2015; Briefing N°148, *Southern Thailand's Peace Dialogue: No Traction*, 21 September 2016; dan Laporan N°304, *Southern Thailand's Peace Dialogue: Giving Substance to Form*, 21 Januari 2020.

² Pemberontakan ini terbatas dalam wilayah-wilayah sempadan selatan Thailand, iaitu Songkhla, Pattani, Yala dan Narathiwat. Daerah konflik meliputi tiga wilayah akhir dan juga empat daerah tenggara Songkhla: Chana, Na Thawi, Saba Yoi dan Thepha. Kawasan ini didiami oleh sekitar 1.8 juta orang, dan kira-kira 85 peratus adalah Melayu-Muslim, manakala yang selebihnya kebanyakannya penganut agama Buddha berketurunan China atau Thai.

kerana ia diadakan secara terburu-buru tanpa persiapan yang secukupnya. Para pengkritik pula berpendapat bahawa perwakilan BRN, yang tinggal dalam buangan di Malaysia, menyertai proses ini semata-mata kerana tekanan daripada Malaysia sebagai tuan rumah, dan mereka tidak dapat mewakili sayap tentera BRN.³ Dialog ini tersekat sebelum rampasan kuasa Thai pada 2014, dan setelah itu dialog diteruskan dengan MARA Patani, sebuah organisasi payung yang terdiri daripada para wakil pertubuhan-pertubuhan separatis Melayu-Muslim yang kebanyakannya tidak lagi aktif dan hampir tidak mempunyai pengaruh atas para pejuang di lapangan. Dialog ini diteruskan untuk seketika tetapi tidak berhasil.⁴

Namun begitu, para perunding Thai bergerak di belakang tabir untuk mengajak BRN agar pertubuhan ini menyertai dialog. Seorang pegawai Malaysia dalam pasukan kerja fasilitator memberitahu kepada pemberita bahawa para wakil BRN telah menemui pegawai-pegawai Thai di Berlin pada November 2019.⁵ Pertemuan ini merupakan salah satu percubaan melalui saluran belakang yang bermula pada 2018 di bawah naungan sebuah pertubuhan bukan kerajaan antarabangsa, dan ini kali pertama untuk membawa sayap politik BRN kepada perbincangan dengan perwakilan Bangkok secara sukarela.⁶ Hasilnya adalah peta hala tuju (roadmap) yang dipanggil Inisiatif Berlin.

Perkembangan ini signifikan kerana pertemuan tersebut diadakan tanpa penglibatan dan di luar pengetahuan Malaysia. Kuala Lumpur tidak mengakui pertemuan ini sebagai sebahagian daripada proses rasmi, dan menurut laporan, fasilitator, Tan Sri Abdul Rahim bin Mohammad Noor, bekas ketua polis negara yang berumur tujuh puluhan, tersinggung dengan saluran belakang ini yang tidak melibatkan Malaysia.⁷ Baik Bangkok mahupun BRN seharusnya mengendahkan perasaannya: Bangkok kerana keperluan untuk menjaga perhubungan yang baik dengan negara jirannya yang merupakan rakan dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), dan BRN kerana pemimpinnya dalam buangan di Malaysia bergantung kepada jasa baik negara berkenaan.

³ Lihat Crisis Group Report, *Dialogue in Doubt*, op. cit.

⁴ Majlis Syura Patani, atau nama bahasa Inggerisnya Patani Consultative Council, dikenali sebagai Mara Patani. Lihat Crisis Group Briefing, *No Traction*; dan Laporan Crisis Group, *Dialogue in Doubt*, both op. cit. "Patani" merujuk kepada kesultanan yang memerintah daerah ini sebelum ditewaskan oleh Siam (kemudian Thailand) dan dicantumkan di dalamnya pada 1902. Daerah konflik rata-rata sama dengan wilayah pemerintahan kesultanan tersebut. "Pattani" dengan dua buah huruf "t" pula merupakan transliterasi nama sebuah wilayah di dalam Thailand.

⁵ Crisis Group Report, *Giving Substance to Form*, op. cit., p. 4. Lihat juga "Hardline rebels may join southern Thai peace talks, officials in Malaysia say", *Benar News*, 2 Disember 2019.

⁶ The Centre of Humanitarian Dialogue, berpangkalan di Geneva, Switzerland, merupakan pertubuhan mediasi independen. "Back-channel talks have pushed Thai peace talks forward, sources say", *Benar News*, 30 Mac 2022.

⁷ Noah Lee dan Nisha David, "Hardline rebels may join southern Thai peace talks, officials in Malaysia say", *Benar News*, 2 Disember 2019. "The Malaysians were incensed when they found out", said an Asian diplomat". Marwan Macan-Markar, "Thailand angers Malaysia in push for peace in troubled South", *Nikkei Asian Review*, 20 Februari 2020.

Dengan demikian, Thailand dan BRN akhirnya mengumumkan perhubungan mereka melalui saluran belakang ini. Pada 20 Januari 2020, para wakil mereka berjumpa di Kuala Lumpur, dalam pertemuan rasmi pertama yang diselenggarakan oleh Malaysia bagi Pasukan Kerja Bersama-Proses Dialog Damai Selatan Thailand (the Joint Working Group-Peace Dialogue Process on Southern Thailand). Jeneral Wanlop Rugsanaoh, bekas ketua Majlis Keselamatan Negara, mengetuai Panel Dialog Damai yang terdiri daripada sepuluh orang anggota.⁸ Anas Abdulrahman, bekas ketua hal-ehwal politik BRN, mengetuai pasukan rundingan pihak pemberontak.⁹ BRN mengaku bahawa pertemuan itu adalah hasil daripada “proses saluran belakang yang diadakan beberapa kali” selama beberapa tahun kebelakangan ini.¹⁰ Hasilnya, menurut delegasi Thai, adalah “[pengakuan] kerangka kerja yang akan dapat memastikan kemajuan dan kelangsungan dialog”.¹¹ Bagi para perunding Thai, ini adalah permulaan “sebuah proses untuk membawa [Malaysia] dalam kerangka yang telah dipersetujui dengan BRN”.¹²

Pertemuan kali kedua diadakan di Kuala Lumpur pada 4 Mac 2020, dengan Rahim Noor sebagai fasilitator, namun pandemik Covid-19 menghalang pertemuan secara bersemuka selanjutnya. Walaupun beberapa pertemuan secara maya diadakan, ternyata dialog kehilangan momentumnya.¹³

Walau bagaimanapun, kedua-dua pihak mengekalkan perhubungan secara langsung, tetapi hal ini tidak terdedah kepada pandangan umum. Dalam klip video yang disiarkan pada 15 Februari 2021, Abdul Aziz Jabal, seorang anggota delegasi BRN, menyatakan bahawa para pihak telah pun membincangkan penyelesaian melalui “solusi politik dan administratif”; pengurangan aktiviti ketenteraan; dan “penglibatan kumpulan-kumpulan masyarakat sivil, pertubuhan bukan kerajaan, tokoh-tokoh agama dan politik [serta] pemimpin masyarakat dalam proses damai, sesuai dengan prinsip inklusiviti (penglibatan semua pihak secara adil dan saksama)”.¹⁴ Menurut satu pernyataan BRN yang dikeluarkan kemudian, delegasi Thai dan delegasi BRN telah menyerahkan tiga isu substantif kepada fasilitator Malaysia pada bulan Mei.¹⁵ Pada November, para wakil BRN di Turkey bersetuju untuk membincangkan penyelesaian politik,

⁸ Delegasi Thai merangkumi para pegawai daripada Kementerian Luar Negeri, Kementerian Kehakiman, Majlis Keselamatan Negara, Agensi Perisikan Negara, dan Pusat Ketumbukan Operasi Keselamatan Dalaman, dan juga Pusat Ketumbukan Daerah 4, yang menyelenggarakan kempen pembasmian pemberontakan di bahagian selatan. Wanlop dilantik sebagai ketua panel dialog pada September 2019.

⁹ Anas Abdulrahman merupakan bekas guru di Sekolah Yayasan Thamvitya di Yala, sekolah swasta Islam yang terbesar di kawasan ini.

¹⁰ “Pernyataan Media”, BRN, 21 Januari, 2020.

¹¹ “Sebarang media: Pengemaskinian Terbaru tentang Proses Dialog Damai”, Sekretariat Thai untuk Dialog Damai, 21 Januari 2020.

¹² Wawancara oleh Crisis Group, pegawai keselamatan kanan, Mac 2020.

¹³ Perbincangan teknikal diadakan secara telesidang pada 3 Februari dan 29 April 2021.

¹⁴ “Pengumuman Jabatan Penerangan Sekretariat Rundingan BRN”, video, 15 Februari 2021.

¹⁵ Sebaran media, Sekretariat Rundingan BRN, 13 Januari 2022. Sebaran tersebut menyatakan bahawa komunikasi dengan fasilitator dilakukan pada 10 Mei 2022, yang jelas merupakan kesalahan taip.

terlibat dalam konsultasi awam dan menurunkan tahap keganasan.¹⁶ Perbincangan ini juga diadakan tanpa penglibatan atau restu daripada Malaysia.¹⁷

Dialog muncul kembali kepada pandangan umum. Pertemuan Pasukan Kerja Bersama ketiga diadakan di Kuala Lumpur pada 11-12 Januari 2022 – pertemuan secara bersemuka bagi dialog rasmi yang pertama dalam tempoh hampir dua tahun ini. Dua orang pakar antarabangsa memerhatikan prosedur ini atas undangan BRN dan persetujuan daripada delegasi Thai.¹⁸ Para peserta pertemuan membincangkan prinsip am yang dikemukakan dalam pertemuan kali pertama melalui saluran belakang, termasuk juga penubuhan jawatankuasa bersama untuk menggerakkan tiga isu substantif tentang penyelesaian politik, konsultasi awam dan pengurangan kekerasan.¹⁹ Salah satu tujuan penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk memberikan “kelenturan yang lebih besar dan perhubungan secara langsung yang lebih kerap antara para pihak”.²⁰ Di samping itu, para pihak juga bersetuju secara prinsip untuk membentuk “Terma Rujukan dan prosedur yang digunakan di lapangan sepanjang pelaksanaan” bagi sebarang persetujuan mengenai tiga isu substantif yang sedang dibincangkan.²¹

Kemajuan yang jelas dalam pertemuan pada Januari 2022 pula terjejas dengan kejadian-kejadian di luar meja rundingan. Pada 12 Januari, iaitu hari kedua bagi pertemuan di Kuala Lumpur, Malaysia meyerahkan tiga orang pejuang yang juga suspek kes keselamatan kepada pihak berkuasa Thai. Mereka ditahan di Kedah yang bersempadan dengan selatan Thailand pada 25 Disember 2021.²² Para pegawai Thai dan Malaysia menegaskan bahawa waktu penyerahan tahanan itu hanya kebetulan sahaja, dengan memberitahu bahawa para pegawai imigresen Malaysia mengendalikan deportasi tanpa penyelenggaraan dengan Cawangan Khas yang menyelia proses damai.²³ Namun penjelasan ini hampir

¹⁶ Menurut tinjauan Crisis Group, perbincangan BRN di Turki dengan para pegawai Thai disebut buat kali pertama dalam Bicara Patani, satu rancangan Livestream melalui Facebook, 4 Januari 2022. Wawancara oleh Crisis Group, Bangkok, Hat Yai, Pattani, Yala, Februari 2022.

¹⁷ Dikatakan bahawa Cawangan Khas Polis Malaysia menyoal siasat anggota delegasi BRN secara perseorangan setelah mereka kembali ke Malaysia, Wawancara Crisis Group, aktivis Melayu-Muslim, Yala; ahli akademik Melayu-Muslim, Songkhla, kedua-duanya pada Februari 2022.

¹⁸ Wawancara oleh Crisis Group, pegawai keselamatan sivil, Pattani, 25 Februari 2022. Dua orang pakar ini ialah para diplomat kanan, Jonathan Powell dari UK dan Siri Skåre dari Norway. Setakat ini terdapat seramai lima orang pakar luar yang menyertai proses, tetapi hanya dua orang sahaja yang hadir sebagai pemerhati dalam satu-satu pertemuan. Sebaran Media, BRN, 13 Januari 2022.

¹⁹ Menurut laporan, delegasi Thai tidak selesa dengan bahagian yang berkaitan dengan penyelesaian politik dalam kerangka ini, tetapi BRN bertegas dengan itu. Jeneral Wanlop bercadang agar jawatankuasa untuk penyelesaian politik dipanggil sebagai pasukan kajian agar ia lebih boleh diterima oleh pihak Thai. Wawancara Crisis Group, ahli akademik, Februari 2022.

²⁰ Wawancara Crisis Group, pegawai keselamatan Thai, Bangkok, 1 Mac 2022.

²¹ Sebaran media BRN, 13 Januari 2022.

²² “1014#30540#D” “AS” “BD” “02D”, *Naew Na*, 13 1, 101#2565 [Malaysia menyerahkan 3 orang pejuang dengan tuduhan kes keselamatan dari wilayah sempadan selatan kepada pegawai Thai, *Naew Na*, 13 Januari 2022].

²³ Wawancara Crisis Group, pegawai kanan Thai, Bangkok, Mac 2022.

tidak bermakna bagi para pesimpati BRN, dan mereka menganggap penyerahan ini sebagai hukuman terhadap perbuatan yang tidak melibatkan Malaysia dalam rundingan melalui saluran belakang di Turki, dan amaran bahawa tokoh-tokoh BRN harus menghormati pertemuan rasmi dengan Thailand, dan kalau tidak mereka tidak lagi dapat tinggal di Malaysia lagi.²⁴

Pertemuan Pasukan Kerja Bersama ke-4 diadakan antara 31 Mac dan 1 April di Kuala Lumpur, dan kedua-dua pihak mengesahkan secara rasmi Prinsip Am Proses Dialog Damai (General Principles of the Peace Dialogue Process) yang telah pun dibincangkan dalam pertemuan pada bulan Januari.²⁵ Seorang anggota sayap tentera BRN, Deng Awaaji, hadir di meja rundingan buat julung kalinya, dan hal ini jelas bertujuan untuk menunjukkan kesatuan BRN. Kedua-dua pihak tidak mengadakan sidang media bersama, namun masing-masing mengeluarkan sebarang media untuk menyatakan kemajuan.²⁶ Pencapaian yang besar dalam pertemuan ini ialah pengumuman Inisiatif Damai Ramadan (Ramadan Peace Initiative), jaminan daripada kedua-dua pihak untuk mengurangkan kekerasan mulai 3 April hingga 14 Mei.

Prinsip Am ini tidak didedahkan kepada umum, tetapi kandungannya dicerminkan dalam pernyataan yang dikeluarkan oleh pihak masing-masing. Menurut penyataan panel Thai, Prinsip Am mengandungi komitmen bahawa “kedua-dua pihak akan ... berusaha untuk mencari penyelesaian politik yang sesuai dengan kehendak komuniti Patani di bawah Negara Kesatuan Thailand menurut Perlembagaan.”²⁷ Penggunaan istilah “komuniti Patani” itu perlu diberikan perhatian khusus, kerana ini menunjukkan pengakuan Bangkok terhadap identiti politik dan sosial daerah ini yang berbeza daripada identiti kebangsaan Thai, yang merupakan teras bagi usaha pembinaan negara bangsa Thailand dalam era moden. Pengakuan terhadap wujudnya komuniti Patani yang berbeza ini merupakan konsesi yang amat penting daripada sebuah negara yang menjunjung “bangsa-agama-monarki” sebagai teras kenegaraannya. Usaha untuk memastikan kehendak rakyat tempatan dan pencerminannya dalam perubahan pentadbiran akan menjadi batu uji bagi penyelesaian konflik melalui rundingan.

Penentuan bahawa sebarang penyelesaian politik harus sesuai dengan kesatuan negara dan perlembagaan Thai itu menandakan bahawa BRN telah melepaskan tujuan kemerdekaan, sekurang-kurangnya buat masa terdekat ini. Ini juga merupakan konsesi yang besar, kerana pertubuhan tersebut sentiasa jelas menunjukkan komitmennya terhadap pemerintahan sendiri. Penyataan BRN setelah pertemuan pula ternyata tidak menyebut bahawa ia membuat keputusan sedemikian.²⁸

²⁴ Wawancara Crisis Group, Chaiyong Maneerungsakul, wartawan, Hat Yai, 18 Februari 2022; aktivis Melayu-Muslim, Yala, Februari 2022; pegawai Thai, Mac 2022.

²⁵ Kedua-dua pihak tidak menandatangani Prinsip Am, tetapi ditandatangani oleh para pakar antarabangsa. Kedua-dua pihak juga bertukaran surat pengesahan Prinsip Am. “Thailand, southern rebels agree to 40-day Ramadan peace initiative”, *Benar News*, 1 April 2022.

²⁶ Sehingga kini delegasi Thai enggan menandatangani sebarang dokumen dengan BRN kerana kekhawatiran bahawa ia akan memberikan legitimasi dan kedudukan hukum (legal standing) kepada pertubuhan pemberontak.

²⁷ Penyataan, Panel Dialog Damai, 2 April 2022.

²⁸ Penyataan media, Sekretariat Rundingan Damai BRN, 1 April 2022.

Konsesi yang jelas daripada kedua-dua pihak yang tercermin dalam Prinsip Am pula akan tidak digemari oleh sesetengah orang di pihak masing-masing yang memandang dialog ini sebagai usaha yang sia-sia, walaupun tidak berbahaya. (lihat Bahagian IV di bawah). Pada 31 Mac, hari pertama bagi pusingan dialog terakhir, Ahmadsukri Ladeh, seorang guru agama (*ustaz*) dan juga adik kepada seorang delegasi dialog BRN, di daerah Muang, wilayah Yala, ditembak oleh beberapa orang penjenayah dan mendapat cedera parah.²⁹ Seperti biasa, tidak ada sesiapa yang mengaku bertanggungjawab terhadap serangan ini. pesalah dalam insiden itu boleh jadi samseng yang diupah oleh negara atau pejuang yang tidak berpuas hati dengan dialog. Dengan itu, hal ini menunjukkan bahawa dialog ini masih mempuyai tentangan yang kuat daripada kedua-dua pihak.

III. Hubungan yang Saling Mempengaruhi antara Dialog dan Kekerasan

Selama dua tahun kebelakangan ini, dialog antara BRN dan Bangkok mempengaruhi keadaan konflik di bahagian paling selatan Thailand, tetapi dengan cara yang tidak jelas. Pasukan keselamatan Thai, ternyata tidak mengendahkan dialog, dan memberikan tekanan terhadap BRN secara berterusan dengan operasi dan serbuan yang membunuh semakin ramai para pejuang yang disyaki. BRN mengurangkan operasinya menjelang dialog dan juga ekoran pandemik Covid-19, dengan mengelakkan serangan skala besar dan sembarangan. Namun serang hendap skala kecil atas pasukan keselamatan masih diteruskan, yang kelihatannya untuk membalas dendam bagi rakan-rakan seperjuangan yang dibunuh; tahun 2021 menyaksikan peningkatan jumlah kejadian keganasan yang ketara berbanding dengan tahun sebelumnya, dan kenaikan tahunan pertama (9 peratus) dalam bilangan mangsa sejak 2012.³⁰

Corak dua tahun kebelakangan ini mula muncul tidak lama setelah pertemuan pada Januari 2020 di Kuala Lumpur. Pasukan keselamatan Thai meneruskan operasi terhadap BRN, dengan membunuh lima orang pejuang di wilayah Narathiwat pada Februari dan empat orang lagi di Yala pada awal Mac. Pada 17 Mac, dalam serangan yang dipercayai sebagai tindakan balas, para pejuang meletupkan sebuah bom kereta di depan Pusat Pentadbiran Wilayah Sempadan Selatan di Yala, mencederakan 25 orang.³¹ Pada 3 April, BRN mengeluarkan

²⁹ Ahmadsukri Ladeh ialah adik kepada Muhammad Muriz Ladeh, yang juga dikenali sebagai Abdul Aziz Jabal, delegasi dialog BRN.

³⁰ Pada 2021, serangan IED (alat letupan reka ganti) meningkat 17.4 peratus berbanding 2020, dan tembakan meningkat 174 peratus daripada 39 kepada 94 insiden. Peratusan serangan pejuang yang bersasarkan orang awam pula menurun perlahan, daripada 65 peratus pada 2020 kepada 57 peratus pada 2021. "Wilayah Sempadan Selatan/Patani 2004-2021: Memasuki tahun kesembilan belas, sejauh mana kedamaian meningkat pada 2022?" [CGU02-004-2547-2564: 547-2564], Deep South Watch, 10 Januari 2022. <https://www.crisisgroup.org/asia/southeast-asia/thailand/southern-thailand/02-004-2547-2564>, Deep South Watch, pegawai Deep South Watch, 11 April 2022.

³¹ Insiden ini merupakan serangan "double tap", iaitu letupan IED kecil mendahului bom kereta kira-kira sepuluh minit.

penyataan bertulis yang mengisytiharkan secara sepihak “penghentian kegiatan” dengan syarat “selagi BRN tidak diserang oleh pegawai kerajaan Thai”, dan tindakan ini kononnya diambil untuk memudahkan usaha menahan penyebaran Covid-19.³² Ini satu pengumuman yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Tetapi pihak berkuasa Thai tidak menyahutnya, dan hanya menyatakan bahawa pasukan keselamatannya akan meneruskan penguatkuasaan undang-undang.³³

Corak keadaan konflik ini boleh dilihat dengan lebih jelas daripada kejadian-kejadian yang berlaku setelah pengisytiharan gencatan senjata sepihak oleh BRN. Pada 30 April, pasukan renjer menyerang sebuah rumah di daerah Nong Chik, Pattani, di mana, menurut pihak berkuasa, para pejuang sedang merancang serangan. Pasukan keselamatan membunuh tiga orang pejuang. Menurut laporan, serangan ini dilakukan tanpa memujuk mereka untuk menyerah diri.³⁴ Tidak seperti biasa, BRN merespon dengan penyiaran klip video pada hari yang sama serta sebaran media pada 1 Mac yang mengaku bahawa serangan tersebut “menyebabkan tiga orang pejuang BRN gugur syahid”, dan menghentam kegagalan pihak berkuasa Thai untuk “memberikan keperihatinan terhadap penderitaan” yang dihadapi oleh rakyat tempatan sepanjang tempoh pandemik.³⁵ Pada 3 Mei, para pejuang membunuh dua orang renjer di sebuah tempat pemeriksaan di daerah Saiburi, Pattani, yang jelas bersifat tindakan balas terhadap serangan di Nong Chik. Yang ketaranya, BRN tidak membatalkan pengisytiharan “penghentian aktiviti”, namun para pejuang tetap membalas apa yang dipandang sebagai operasi keselamatan yang provokatif.

Operasi-operasi “pengepungan dan pengeledahan” oleh pasukan keselamatan menyebabkan kematian para pejuang yang disyaki sebagai suspek kes keselamatan, dan operasi seperti ini semakin dahsyat pada tahun-tahun kebelakangan ini. Dalam serangan seperti ini, pasukan keselamatan akan mengepung sebuah kawasan atau bangunan di mana para suspek bersembunyi, dan menyuruh mereka untuk menyerah diri. Ada kalanya ibu bapa mereka atau pemimpin agama tempatan pula disuruh untuk memujuk mereka. Namun para pejuang semakin memilih untuk bertempur mati-matian daripada menyerah diri. Menurut seorang aktivis masyarakat sivil, seramai 57 orang suspek pejuang telah pun dibunuh dengan cara ini sejak Januari 2019, termasuk 7 orang yang mati antara 1 Januari dan pertengahan Februari 2022.³⁶ Terdapat pelbagai penjelasan tentang gejala baru ini. Ada yang mengatakan bahawa oleh sebab sempadan Malaysia ditutup akibat pandemik, maka para pejuang kehilangan akses kepada tempat perlindungan yang selamat. Ramai pejuang juga lebih memilih untuk

³² “Pengisytiharan Tindakan BRN terhadap Covid-19”, Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani, 3 April 2020. BRN selanjutnya menyatakan bahawa “penghentian aktiviti” ini “menyahut permintaan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu António Guterres” untuk mengadakan gencatan senjata sejagat atas dasar kemanusiaan sebagai tindakan untuk menangani pandemik Covid-19.

³³ Pimuk Rakkhanam dan Mariyam Ahmad, “BRN rebels declare ceasefire in Thai deep south over COVID-19”, *Benar News*, 4 April 2020.

³⁴ Anthony Davis, “Covid-19 moment of truth for peace in Thailand”, *Asia Times*, 27 Mei 2020.

³⁵ “BRN mengutuk tindakan tentera Thai semasa krisis Covid”, sebarang media, Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani, 1 Mei 2020.

³⁶ Dokumen yang dikemukakan kepada Crisis Group oleh wartawan Melayu-Muslim, 17 Februari 2022.

memegang senjata kecil untuk perahanan diri, lebih daripada menyimpan senjata di tempat penyembunyian setelah serangan dilakukan seperti dahulu. Ada yang percaya bahawa para pejuang memilih kematian daripada penyerahan diri kepada sistem pengadilan yang mereka tidak menaruh kepercayaan.

Pihak berkuasa menegaskan bahawa mereka hanya menurut prinsip peningkatan “daripada tindakan lembut kepada yang keras” dalam penguatkuasaan undang-undang, dan melepaskan tembakan sebagai jalan terakhir.³⁷ Namun selalunya sukar untuk memastikan “siapa yang tembak dahulu” dalam pertempuran begini, dan ramai Melayu-Muslim menganggap kematian para pejuang seperti ini sebagai akibat penggunaan kuasa yang berlebihan, kalau bukan de facto pembunuhan luar bidang kehakiman (extra-judicial killing), iaitu amalan yang dikenali dalam bahasa Thai sebagai *wisaman kattagam*.³⁸ Ramai orang juga memandangkan tentangan para pejuang sebagai pertahanan diri.³⁹ Menurut seorang pemerhati, “Ia tidak nampak seperti penguatkuasaan undang-undang. Ia lebih nampak seperti pemburuan.”⁴⁰

Ramai Melayu-Muslim menganggap para pejuang yang dibunuh dalam pertempuran seperti ini sebagai syahid yang gugur dalam jihad untuk mempertahankan saudara mereka dan orang-orang seagamanya.⁴¹ Pengebumian mereka telah menjadi peristiwa politik, dan selalunya dihadiri oleh ratusan orang. Dalam beberapa kes, anak-anak muda memberikan tabik hormat tentera kepada orang yang mati, dan mereka yang menghadiri pengebumian pula melaungkan “merdeka” di samping takbir “*Allahu akbar!*” yang dilaungkan secara tradisi.⁴² Peristiwa-peristiwa seperti ini disiarkan langsung dan dikongsi melalui media sosial, dan seluruh rakyat tempatan di daerah ini dapat mengikutinya.⁴³ Sejak dahulu ramai orang menghadiri pengebumian para pejuang, tetapi pernyataan aspirasi kemerdekaan secara terbuka oleh orang-orang kampung adalah perkara yang baru. Seorang akvitis berkata bahawa perbuatan seperti ini sebahagiannya disebabkan oleh penafian tentera Thai untuk menyahut gencatan senjata BRN untuk menangani Covid-19.⁴⁴ Oleh itu, penerimaan kematian para pejuang sebagai syahid mungkin lebih mencerminkan tentangan terhadap negara Thai

³⁷ Wawancara Crisis Group, Lt Gen Thira Daewa, timbalan pengarah, Pusat Ketumbukan Operasi Keselamatan Dalam Daerah 4, Pusat Ketumbukan Depan Yala, 4 Mac 2022.

³⁸ Wawancara Crisis Group, wartawan Melayu-Muslim, Pattani, Februari 2022.

³⁹ Wawancara Crisis Group, Artef Sohko, presiden, The Pattani, Pattani, 24 Februari 2022.

⁴⁰ Wawancara Crisis Group, ahli akademik beragama Buddha, Pattani, Februari 2022.

⁴¹ Kata dasar bahasa Arab bagi perkataan “jihad” merujuk kepada usaha kerana Allah. Pemberontak Melayu Muslim di Thailand menjalankan jihad untuk menuntun kembali tanahnya atau “berorientasikan bangsa”, iaitu perlawanan dengan orang bukan Muslim untuk wilayah tertentu. Perjuangan ini tidak seharusnya disalah anggap sebagai jihadism transnasional yang dipegang oleh kumpulan-kumpulan Salafi-jihadis. Lihat Laporan Asia Crisis Group N°291, *Jihadism in Southern Thailand: A Phantom Menace*, 8 November 2017, pp. 1-2.

⁴² Wawancara Crisis Group, wartawan Melayu-Muslim, Pattani, Februari 2022.

⁴³ Menurut laporan, salah satu pengebumian seperti ini pada Februari 2022 dihadiri oleh lebih dari 2,000 orang manakala 16,000 orang lagi menonton peristiwa itu melalui livestream. Wawancara Crisis Group, Dr. Mukthar Abdulkarim, pengarah, INSANI, Pattani, 15 Februari 2022.

⁴⁴ Wawancara Crisis Group, Chu Ya, pengerusi, Patani Institute for Development and Education, 25 Februari 2022.

daripada sokongan rakyat terhadap BRN.⁴⁵ Walau bagaimanapun gerakan pemberontakan mendapat kelebihan daripada peristiwa-peristiwa begini, yang membangkitkan semangat nasionalis dan agama serta memudahkan perekrutan anggota baru.⁴⁶

IV. Pelengahan Dialog

Kedua-dua pihak di meja rundingan menghadapi percanggahan pendapat antara sayap politik dan sayap tenteranya masing-masing, dan ini merupakan kelemahan secara keseluruhan bagi proses dialog ini. Perbalahan ini pula mencerminkan ambivalens pada kedua-dua pihak dalam mencari kedamaian melalui penyelesaian politik, dan menimbulkan pertanyaan tentang sama ada pimpinan politik kedua belah pihak benar-benar dapat mengawal sayap tenteranya masing-masing atau sebaliknya.

Kekurangan kesatuan pada pihak Thai mengancam kemajuan dialog, dan menimbulkan keraguan tentang sejauh mana kerajaan memberikan keutamaan terhadap penyelesaian konflik melalui rundingan. Kesungguhan Majlis Keselamatan Negara dalam menjalankan dialog itu tidak perlu dipertikaikan, tetapi ramai orang memandang dialog sebagai topeng yang direka untuk mengelabui mata negara luar, dan di sebalik topeng itu kerajaan Thai akan terus menggunakan taktik pembasmian pemberontak.⁴⁷ Para pegawai sivil Thai sendiri kesal dengan operasi ketenteraan yang tidak memanfaatkan proses damai, tetapi lebih merugikan langkah-langkah untuk membina keyakinan antara satu sama lain.⁴⁸ Menurut seorang pemerhati, “Bagi pihak Thai, proses ini masih tentang ‘perbincangan dan penembakan’”.⁴⁹

Satu lagi petanda perbalahan dalam pihak Thai ialah kepercayaan yang teguh di kalangan pegawai kanan bahawa strategi BRN menggunakan NGO-NGO untuk meningkatkan perlawanan ini kepada tahap “konflik bersenjata bukan antarabangsa (non-international armed conflict)” seperti yang ditafsirkan dalam undang-undang antarabangsa.⁵⁰ Para pegawai percaya bahawa gelaran seperti ini

⁴⁵ Wawancara Crisis Group, Dr. Mukhtar Abdulkarim, pengarah, INSANI, Pattani, 15 Februari 2022; *ustaz* (guru agama Islam), Pattani, 16 Februari 2022; Chu Ya, pengerusi, Patani Institute for Development and Education, Pattani, 25 Februari 2022.

⁴⁶ Wawancara Crisis Group, Anchana Heemmina, Duay Jai Group, Pattani, 24 Februari 2022; Abdulqahhar Hayiawang, presiden, Pusat Peguam Muslim, Pattani, Februari 2022;

⁴⁷ Wawancara Crisis Group, Dr. Mukhtar Abdulkarim, pengarah, INSANI, Pattani, 15 Februari 2022; *ustaz*, Pattani, 16 Februari 2022; Chaiyong Maneerungskul, wartawan, Hat Yai, 18 Februari 2022.

⁴⁸ Wawancara Crisis Group, pegawai keselamatan, Pattani, 25 Februari 2022.

⁴⁹ Wawancara Crisis Group, penyelidik, Pattani, Februari 2022.

⁵⁰ “Artikel Umum 3 Konvensi Geneva 1949 secara khususnya diaplikasikan dalam kes-kes konflik yang ‘tidak bersifat antarabangsa’. Ini dimaksudkan sebagai konflik bersenjata antara kerajaan dan kumpulan-kumpulan bersenjata, atau konflik yang berlaku antara kumpulan-kumpulan bersenjata”. Walaupun Artikel Umum 3 tidak mendefinisikan ‘konflik bersenjata’, ia dicorakkan dengan keintensifan keganasan pada tahap serta tempoh yang minimum, dan juga pengorganisasian pada tahap yang minimum, termasuk rantaian perintah, antara para pihak

pula akan memberikan alasan bagi campur tangan negara asing di wilayah sempadan selatan Thailand, mungkin di bawah naungan Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu, yang akan membawa kepada referendum dan akhirnya pemisahan wilayah.⁵¹ Tuntutan BRN agar meluaskan penglibatan negara asing dan berpegang kepada standard antarabangsa itu membangkitkan keraguan di kalangan pegawai Thai bahawa pertubuhan tersebut cuba mengantarabangsakan proses ini sebagai strategi revolusinya.⁵² Majlis Keselamatan Negara, bersama jabatan sains politik di sebuah universiti, telah mengkaji gejala ini dan merumuskan bahawa kebimbangan seperti ini tidak berasaskan sebarang dan tidak ada sebarang manfaat, namun yang jelasnya ia tidak dapat mengubah corak fikiran para pegawai tinggi.⁵³

Sesetengah pegawai keselamatan berpendapat bahawa “dialog” akan lebih mudah dilaksanakan dengan para pemberontak di Thailand berbanding dengan para pemimpin dalam buangan, dan ini sesuai dengan ketakutan mereka terhadap percubaan pemberontak untuk mengantarabangsakan proses ini. Namun pegawai-pegawai seperti ini pada dasarnya memandangkan “dialog” sebagai usaha untuk memujuk para pejuang agar menyerah diri di bawah program Bawa Balik Kampung (the Bring the People Home program), satu cantuman antara pengampunan dan bantuan oleh kerajaan untuk menggalakkan penyerahan diri para pejuang yang dimulakan sejak 2012.⁵⁴ Mereka berpendapat bahawa orang Melayu Muslim harus mencari penyelesaian terhadap penderitaan politik melalui struktur pentadbiran yang sedia ada, terutamanya melalui majlis pentadibran serta dewan perundangan peringkat daerah, namun cadangan ini sama sekali tidak menarik bagi BRN dan para penyokongnya.⁵⁵

Pandangan peribadi para pegawai tinggi tentera tidak semestinya diberikan perhatian sekiranya tentera Thai sanggup bertanggungjawab terhadap para pemimpin sivil yang dipilih secara demokrasi. Tentera Thai mengadakan rampasan kuasa sebanyak dua kali sejak 2006. Sejak rampasan kuasa kali kedua pada 2014, tentera memerintah negara selama lima tahun, dan para pemimpin kudeta masih mengekalkan kuasanya di belakang tabir setelah pilihan raya pada

dalam konflik”. “Increasing Respect for International Humanitarian Law in Non-International Armed Conflicts”, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah, Februari 2008, p. 7.

⁵¹ Mereka yang mempunyai kebimbangan seperti ini merujuk kepada contoh di Timor Leste, di mana rakyatnya mengundi untuk kemerdekaan daripada Indonesia dalam referendum yang diadakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 1999.

⁵² Lihat Laporan Crisis Group, *Giving Substance to Form*, op. cit., p. 7. Wawancara Crisis Group, para pegawai tentera, Bangkok, Pattani, Yala, 2019, 2020, 2022. Menurut seorang penyokong pandangan ini, kuasa-kuasa imperialis lama sedang campur tangan urusan Thailand untuk menahan penyebaran kuasa China. ชาติไทย “เรื่อง ‘ตาชั่งสามตา’ ของ BRN, ตีตาชั่ง” 25 , 0#563 [Chaiyong Manipileuk, “Rancangan perlawanan tiga mata’ BRN, tiba-tiba membawa ‘mat saleh berambut merah’ ke wilayah selatan”, *Manager Online*, 25 Februari 2020].

⁵³ Laporan yang tidak diterbitkan tanpa tarikh dalam fail Crisis Group.

⁵⁴ Crisis Group Briefing, *No Traction*, op. cit., p. 16.

⁵⁵ Wawancara Crisis Group, penganalisis Muslim, Pattani, 17 Februari, 2022; Suwara Kaewnuy, ahli akademik dan setiausaha Sor Lor 3, Pattani, Februari 2022; Lt Gen Thira Daewa, timbalan pengarah, Pusat Ketumbukan Operasi Keselamatan Dalam Daerah 4, Pusat Ketumbukan Depan Yala, 4 Mac 2022.

2019 yang diadakan di bawah perlembagaan yang digubal sendiri.⁵⁶ Seseengah orang di wilayah sempadan selatan berpandangan pesimis bahawa penyelesaian melalui rundingan adalah mustahil tanpa adanya reformasi demokrasi di peringkat kebangsaan serta kesanggupan kerajaan pusat untuk mengagih kuasa politik yang sebenar kepada daerah dan wilayah.⁵⁷ Salah seorang anggota delegasi BRN berpendapat bahawa persetujuan komprehensif perlu ditunggu sehingga tentera Thai terletak di bawah kuasa kerajaan sivil yang dipilih secara demokrasi.⁵⁸

Perpecahan antara sayap politik dan sayap tentera dalam BRN juga boleh menyebabkan masalah dalam dialog. Sayap tentera BRN bersetuju dengan dialog antara sayap politiknya dengan kerajaan Thai, tetapi sehingga pusingan terakhir enggan menyertainya secara langsung, kerana ia tidak yakin dengan kesungguhan Bangkok dan struktur dialog.⁵⁹ Dalam hal ini, kehadiran wakil sayap tentera dalam pertemuan terbaru ini mungkin perkembangan yang mustahak, tetapi menurut seorang pemerhati yang berpengetahuan, jika dialog ini gagal, sayap tentera akan meneruskan perlawalannya. "Ideologi dan pasukan bersenjata tetap ada", katanya.⁶⁰

BRN juga mengalami perpecahan dan mempunyai pendirian yang tidak jelas tentang strategi politiknya. Kumpulan rahsia ini berkembang menjadi lebih terbuka dan bersedia untuk berkomunikasi dalam tempoh sedekad yang lalu. Namun pertubuhan ini masih mengekalkan sifatnya sebagai organisasi revolusi bawah tanah yang menggunakan kekerasan untuk tujuan-tujuan politiknya. Sama ada para anggota dan penyokongnya telah meninggalkan kemerdekaan penuh sebagai matlamat terakhir atau tidak itu belum jelas, walaupun beberapa orang pemimpin bersetuju dengan autonomi atau pentadbiran khusus sebagai persinggahan. Selain penguatkuasaan undang-undang Islam yang luas dan kemerdekaan, para pemimpin BRN belum lagi mengumumkan rancangan masa depan untuk daerah ini, dan hal ini menyebabkan ramai orang beranggapan bahawa BRN tidak mempunyai wawasan yang jelas tentang bentuk pentadbiran yang diinginkan.⁶¹

Terdapat satu lagi kerumitan dalam proses, iaitu para pemimpin barisan separatis Melayu-Muslim yang lain masih belum lagi terlibat dalam dialog damai.⁶² Ketidakhadiran mereka bukan ancaman secara langsung terhadap

⁵⁶ Lihat Laporan Asia Crisis Group N°s263, *Thailand: A Coup Ordained?*, 3 Disember 2014; 274, *Thailand's Lengthening Roadmap to Elections*, 10 Disember 2015; and 309, *COVID-19 and a Possible Political Reckoning in Thailand*, 4 Ogos 2020.

⁵⁷ Wawancara Crisis Group, *ustazi*, Pattani, 16 Februari 2022; Ahmad Omar Chapakia, timbalan rektor Universiti Fathoni, Pattani, 25 Februari 2022. #

⁵⁸ Koresponden Crisis Group, anggota BRN, Mac 2022.

⁵⁹ Wawancara Crisis Group, Abdulrohman Molo, ahli akademik, Hat Yai, 18 Februari 2022; anggota kanan BRN, Februari 2022; pegawai keselamatan sivil, Patnai, 25 Februari 2022; wartawan Melayu-Muslim, Pattani, Februari 2022. #

⁶⁰ Wawancara Crisis Group, Abdulrohman Molo, ahli akademik, Hat Yai, 18 Februari 2022.

⁶¹ Wawancara Crisis Group, *ustaz*, Pattani, 16 Februari 2022; Abdulrohman Molo, ahli akademik, Hat Yai, 18 Februari 2022.

⁶² Wawancara Crisis Group, aktivis damai beragama Buddha, Yala, Februari 2022. Dr. Abu Hafez Al-Hakim, Barisan Islam Pembebasan Patani memberikan komen dalam Wacana Damai Selatan Thailand, webinar, 26 Januari 2022.

dialog, kerana kebanyakan pejuang di lapangan tidak dikawal oleh mereka, namun sesetengah daripada mereka mungkin mempunyai kemampuan untuk menjadi pengacau proses (spoiler) sekiranya mereka terus diketepikan daripadanya.⁶³

V. Mengukuhkan Kerangka

Tiga kerangka dialog yang telah disetujui dalam pertemuan pada Januari 2022 di Kuala Lumpur itu memberikan peluang agar peribincangan yang substantif mendapat momentum. Kemajuan dalam pengurangan kekerasan serta konsultasi publik merupakan prasyarat bagi sebarang perbincangan yang bermakna tentang kemungkinan untuk penyelesaian politik. Bahagian ini menimbang kemungkinan untuk mencapai kemajuan dalam dua isu ini, dan mencadangkan cara-cara untuk mengukuhkan proses secara keseluruhan.

A. *Konsultasi Awam*

Terdapat persefahaman yang meluas bahawa rakyat Patani harus dibenarkan bersuara dalam sebarang penentuan politik untuk menamatkan konflik. Penyelesaian yang berkekalan serta kedamaian yang positif tidak akan lahir tanpa penyertaan rakyat tempatan, kerana sekiranya persetujuan damai tidak mencerminkan aspirasi mereka, maka mana-mana pemberontak yang tegas pendiriannya tetap akan mengeksploitasikan perasaan tidak puas hati rakyat tempatan. Seorang pegawai Thai menerangkan bahawa, “Kami perlu melibatkan pemegang taruh yang lain dalam dialog, bukan BRN sahaja. ... konsultasi awam itulah dialog yang *sebenar*”.⁶⁴ Butir-butir tentang mekanism konsultasi awam perlu dibincangkan selanjutnya, termasuk juga sama ada kedua-dua pihak akan mengadakan perbincangan dengan masyarakat sivil secara bersama atau berasingan.

Rakyat di bahagian paling selatan Thailand yang mengikuti perkembangan dialog menyambut baik kemungkinannya bahawa suara mereka akan didengar melalui konsultasi awam, tetapi pada masa yang sama terdapat juga kebimbangan bagaimana mekanism ini akan berfungsi dalam keadaan yang sebenar. Ramai Melayu Muslim tidak menaruh kepercayaan terhadap kerajaan pusat, dan nampaknya dialog masih jauh daripada kebimbangan ekonomi rakyat, yang tentunya dijejaskan dengan kesan pandemik.⁶⁵ Secara lebih umum,

⁶³ Wawancara telefon oleh Crisis Group, Kasturi Mahkota, presiden, Pattani United Liberation Organisation (PULO), 25 Februari 2022. Serangan bom berturut-turut dua kali pada 15 Mac yang membunuh seorang orang awam dan mencederakan tiga orang pegawai pemusnah bahan letupan di daerah Saiburi, Pattani. Kasturi berkata sebuah unit pulo melakukan serangan tersebut, dan “Dialog tidak merangkumi semua pihak, dan berjalan terlalu cepat”. “Kerajaan Thai kata serangan bom dalam bulan Ramadan tidak akan menggagalkan dialog damai dengan pemberontak”, Reuters, 17 April 2022.

⁶⁴ Wawancara Crisis Group, pegawai keselamatan Thai, Bangkok, 1 Mac 2022.

⁶⁵ Wawancara Crisis Group, wartawan Melayu-Muslim, Pattani, Februari 2022; ketua kampung beragama Buddha, 16 Februari 2022; Anchana Hemmina, Duay Jai Group, Pattani, 24 Februari 2022; Abdulqahhar Hayiawang, presiden, Pusat Peguam Muslim, Pattani, February 2022.

birokrasi Thai yang bersifat top-down yang kaku dan mengutamakan hierarki serta peraturan – struktur dasarnya hampir tidak berubah selama lebih daripada satu abad, dan rakyat tempatan tidak yakin bahawa sistem seperti ini menghormati perasaan rakyat akar umbi dan sanggup membawa perubahan. Kerajaan setelah rampasan kuasa yang didominasi oleh tentera juga menjadi satu lagi halangan bagi mata kebanyakan rakyat tempatan. Konsultasi juga perlu dilaksanakan tanpa menyingkirkan para penganut agama Buddha yang merupakan golongan minoriti di daerah ini. Dalam konsultasi awam, pandangan tentang alternatif politik yang mungkin akan dipandang oleh kerajaan sebagai hasutan juga akan dikemukakan, dan ini juga satu lagi cabaran bagi konsultasi awam.

Mekanisme oleh kerajaan untuk konsultasi awam telah pun wujud, ditubuhkan dengan perintah Perdana Menteri pada 2014 apabila Perdana Menteri Prayuth Chan-ocha mengubah suai struktur dialog, tetapi kemampuannya untuk mencerminkan persepsi serta aspirasi rakyat tempatan yang sebenar itu tidak meyakinkan.⁶⁶ Atas kertas, Pasukan Kerja Penyelenggaraan Antara-Agensi Berdasarkan Daerah (the Area-based Inter-agency Coordination Working Group) ditugaskan untuk menyokong dialog damai dengan menyelenggarakan perbincangan antara kerajaan dan masyarakat sivil.⁶⁷ Jawatankuasa ini dikenali dengan singkatan bahasa Thai, Sor Lor 3, tetapi keanggotaannya terdiri daripada individu-individu yang sehaluan dengan kerajaan. Baik Muslim mahupun penganut agama Buddha sering memandang mekanisme ini berat sebelah untuk menjaga kepentingan serta status quo kerajaan.⁶⁸ Seorang setiausaha jawatankuasa ini menceritakan bahawa “Setiap kali mengemukakan cadangan kami, saya sentiasa menegaskan bahawa ini adalah cadangan dari Sor Lor 3, bukan daripada semua rakyat tempatan, kerana Sor Lor 3 tidak mewakili keseluruhan komuniti”.⁶⁹ “Dialog ini bukan untuk membina kedamaian, tetapi hanya untuk menghabiskan belanjawan kerajaan”, tambah seorang anggota BRN.⁷⁰

Membina mekanisme untuk konsultasi awam antara BRN dan rakyat tempatan akan lebih mencabar lagi. Jika dialog tidak mendapat sokongan daripada para penyokong BRN, kemungkinannya hampir tidak ada untuk berjaya. Sayap politik

⁶⁶ ราชกิจจานุเบกษา 230/2557 ราชกิจจานุเบกษา เล่มที่ ๘๒ ตอนที่ ๓๐ ก ราชกิจจานุเบกษา เล่มที่ ๘๒ ตอนที่ ๓๐ ก ราชกิจจานุเบกษา เล่มที่ ๘๒ ตอนที่ ๓๐ ก ราชกิจจานุเบกษา เล่มที่ ๘๒ ตอนที่ ๓๐ ก [Perintah Jabatan Perdana Menteri 230/2014, “Penubuhan Mekanisme untuk Menggerakkan Dialog Damai Wilayah Sempadan Selatan”] p. 3.

⁶⁷ Dalam bahasa Thai, ราชกิจจานุเบกษา (๘๒.๓).

⁶⁸ Sor Lor 3 dipengerusi oleh Komander Tentera Daerah 4 dan diuruskan oleh timbalannya. Sebenarnya, penyertaan orang sivil dalam jawatankuasa ini semakin bertambah dalam beberapa tahun kebelakangan ini, dan anggotanya daripada tentera adalah sekitar 20 peratus. Interview Crisis Group, Suara Kaewnuy, ahli akademik dan setiausaha Sor Lor 3, Pattani, Februari 2022. Seorang anggotanya berkata, “[Sor Lor 3] datang daripada kerajaan, tetapi bukan semua anggota bersetuju dengan kerajaan. Para wakil dalam jawatankuasa ini mempunyai dorongan yang berlainan”. Wawancara Crisis Group, ketua kampung beragama Buddha, Pattani, 16 Februari 2022.

⁶⁹ Wawancara Crisis Group, Suara Kaewnuy, ahli akademik dan setiausaha Sor Lor 3, Pattani, Februari 2022.

⁷⁰ Wawancara Crisis Group melalui telefon, anggota kanan BRN, Februari 2022. Sesetengah orang, termasuk juga anggota Sor Lor 3 sendiri, yang memandang ini sebagai alat untuk meluaskan naungan kerajaan melalui pembayaran sagu hati.

BRN semakin jelas kelihatan sepanjang dekad yang lalu, maka sejajar dengan itu, kemahuan rakyat selatan Thailand untuk mendengar pandangan para perwakilan BRN secara langsung juga semakin meningkat.⁷¹ Setakat ini, kumpulan tersebut masih begitu berahsia; sehingga sesetengah penyokong mengkritik strategi komunikasinya.⁷² Antara kalangan minoriti Buddha, terdapat kebimbangan yang meluas tentang bagaimanakah masa depan daerah ini sekiranya diberikan status autonomi tertentu.⁷³ Pada masa yang sama, menurut seorang ketua kampung beragama Buddha, rakyat tempatan juga perlu didedahkan kepada pandangan “mereka yang berpandangan berbeza”, iaitu para pemberontak yang dirujuk oleh kerajaan Thai dengan istilah ini secara rasmi. Secara ideal, menurut pandangannya, pertemuan seperti ini boleh diadakan secara bersemuka, kerana “kita akan lebih sopan apabila bertemu muka”.⁷⁴

Namun, membina mekanism selari bagi BRN untuk terlibat dalam konsultasi awam juga akan menyebabkan beberapa masalah yang jelas, bermula daripada status undang-undang dan keselamatan anggotanya semasa mereka berada di Thailand. Menurut seorang anggota BRN, syarat yang ditetapkan oleh Thai bahawa hanya anggota yang tidak ada waran tangkap sahaja boleh menyertai konsultasi awam adalah “tidak boleh diterima” dan menolak cadangan Thai agar tidak melibatkan orang asing sebagai pemantau konsultasi awam.⁷⁵ Seorang pegawai kanan tentera Thai menegaskan bahawa BRN boleh mengadakan seminar publik di selatan, tetapi adalah tidak jelas sama ada ini dasar yang telah ditetapkan atau tidak.⁷⁶ Sikap kerajaan Thai yang selama ini tidak menghormati kebebasan bersuara dan tidak mengizinkan pandangan yang bertentangan dengannya pula menyebabkan kecurigaan.⁷⁷ Kerajaan perlu memberikan jaminan yang lebih luas bahawa hak sivil peserta tempatan dalam konsultasi awam akan dilindungi. Menurut seorang aktivis hak asasi manusia Muslim, “Walaupun mekanism konsultasi awam ditubuhkan, masih ada pertanyaan tentang keselamatan bagi mereka yang menyatakan pendirian”.⁷⁸

Konsultasi awam dilaksanakan dalam bentuk apa sekali pun, kebebasan serta penglibatan semua pihak yang adil dan saksama perlu diutamakan. Untuk memastikan kebebasan, beberapa orang yang terlibat dalam dialog mengharapkan agar proses ini dikendalikan oleh tokoh-tokoh Thai yang dihormati tetapi tidak berkepentingan, dipilih daripada kalangan ahli poolitik

⁷¹ Wawancara Crisis Group, *ustaz*, Pattani, 16 Februari, 2022; wartawan Melayu-Muslim, Pattani, Februari 2022.

⁷² Wawancara Crisis Group, aktivis Melayu-Muslim, Yala, Februari 2022.

⁷³ Wawancara Crisis Group, wartawan Melayu-Muslim, Pattani, Februari 2022.

⁷⁴ Wawancara Crisis Group, ketua kampung bergama Buddha, 16 Februari 2022.

⁷⁵ Wawancara telefon oleh Crisis Group, anggota BRN kanan, Februari 2022.

⁷⁶ Wawancara Crisis Group, Lt Gen Thira Daewa, timbalan pengarah, Pusat Ketumbukan Operasi Keselamatan Dalam Daerah 4, Pusat Ketumbukan Depan Yala, 4 Mac 2022. #

⁷⁷ Wawancara Crisis Group, Abdulqahhar Hayiawang, presiden Pusat Peguam Muslim, Pattani, Februari 2022. “Thailand: Deepening Repression of Rights”, Human Rights Watch, 13 January 2022. Menurut sebuah pertubuhan bukan untung Amerika, Freedom House, Thailand tergelincir kepada kategori “tidak bebas” pada 2021. “Thailand” entry in “Freedom in the World 2021”. Lihat juga Crisis Group Report, *COVID-19 and a Possible Political Reckoning in Thailand*, op. cit.

⁷⁸ Wawancara Crisis Group, Anchana Hemmina, Duai Jai Group, Pattani, 24 Februari 2022.

atau tokoh masyarakat sivil.⁷⁹ Dengan adanya perpecahan dalam masyarakat dan politik Thai, mencari tokoh seperti itu tentu tidak mudah, namun ia patut dicoba. Untuk penglibatan semua pihak yang adil dan saksama, mekanisme konsultasi awam harus menggalakkan penyertaan wanita. Dalam hal ini, pelantikan oleh kerajaan pada Januari atas Rachada Dhnadirek, jurucakap kerajaan, sebagai wakil khas untuk wilayah-wilayah sempadan selatan, dengan arahahn untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam proses damai, merupakan perkembangan yang positif.⁸⁰ BRN juga patut membuat pertimbangan untuk mengambil tindakan yang sama, dan yang pentingya kedua-dua pihak perlu menunjukkan bahawa pelantikan seperti ini bukan semata-mata untuk mengabui mata dunia.

B. *Pengurangan Kekerasan*

Kejayaan konsultasi awam sebahagiannya akan bergantung pada kejayaan dalam menurunkan tahap keganasan. Selama ini delegasi Thai sangat berharap agar dialog dapat menyampaikan hasil ini di peringkat lapangan. Pertemuan pusingan terbaru mencapai komitmen unilateral daripada Thailand dan BRN untuk mengurangkan operasi ketenteraan mulai 3 April hingga 14 Mei, tempoh yang merangkumi bulan suci Ramadan bagi umat Islam. Pengurangan kekerasan tentu sekali dialu-alukan, dan sekiranya berjaya, inisiatif ini akan dapat menunjukkan kesatuan dalam kuasa BRN, mendatangkan hasil yang ketara dan menyediakan keadaan yang sesuai untuk konsultasi awam.

Inisiatif damai Ramadan ini lebih sesuai dianggap sebagai pengurangan permusuhan unilateral, lebih daripada gencatan senjata yang dirundingkan. Kedua belah pihak tidak mengadakan sidang media bersama, dan nampaknya masih terdapat perbezaan pendapat tentang apa yang dimaksudkan dengan permusuhan. Jeneral Wanlop, ketua perunding Thai, menjelaskan bahawa pihak Thai akan mengurangkan operasi pengepungan dan pengeledahan dan talian langsung dengan BRN sedang diadakan untuk menangani sebarang insiden keganasan.⁸¹ Bagaimana pun, pernyataan media yang dikeluarkan oleh BRN setelah pertemuan menyatakan bahawa kedua-dua pihak bersetuju untuk “menghentikan semua operasi ketenteraan” sejak 3 April hingga 14 Mei.⁸² Sebarang ketentuan tentang pemantauan juga tidak diadakan, walaupun hal ini telah dikemukakan oleh delegasi BRN terlebih dahulu. Delegasi pihak Thai juga tidak setuju untuk mengangkat undang-undang keselamatan di wilayah selatan,

⁷⁹ Wawancara Crisis Group, pegawai keselamatan Thai, Bangkok, 1 Mac 2022.

⁸⁰ “New envoy to join peace talks”, *Bangkok Post*, 25 Januari 2022.

⁸¹ Thailand melantik Mejar Jeneral Woradech Decharaksa, komander Infantri Briged ke-5, sebagai pegawai penghubung (contact person) bagi jawatankuasa bersama pengurangan kekerasan. Thailand bersetuju untuk menurunkan poster-poster vinil yang menunjukkan muka-muka suspek kes keselamatan dan mengundang anggota-anggota BRN untuk pulang ke kawasan ini untuk melakukan pemantauan sepanjang bulan Ramadan, tetapi sebarang kekebalan undang-undang rasmi tidak ditawarkan. Wawancara dengan Jeneral Wanlop Rugsanoah, “*เรื่องใหม่กับ BRN*” [Laporan mendalam...dialog damai Thai BRN], The Pen (Facebook), video, 5 April 2022.

⁸² Pernyataan media, Sekretariat Rundingan Damai BRN, 1 April 2022.

walaupun hal ini merupakan prasyarat yang dikemukakan oleh BRN sebagai prasyarat untuk gencatan senjata.⁸³ #

Yang paling penting, baik delegasi Thai mahupun delegasi BRN tidak dapat mengawal kumpulan bersenjata mereka masing-masing, tetapi mereka perlu meminta kerjasama.⁸⁴ BRN telah menunjukkan pengawalan yang efektif atas para pejuang di lapangan di Thailand setakat ini, namun kemungkinan juga pengakuan terhadap perlembagaan Thai dalam Prinsip Am akan menjejaskan komitmen sesetengah pejuang dalam menahan serangan. Tambahan pula, corak operasi pengepungan dan penggeledahan Thai menandakan kemungkinan bahawa para pejuang akan bertindak dengan cara yang dianggap sebagai pertahanan diri. Oleh sebab itu, pengurangan kekerasan yang bermakna tidak akan terjadi sekiranya pihak Thai tidak menghentikan operasi seperti ini sepenuhnya. Para pegawai kanan kerajaan sebaiknya menjelaskan dan mengesahkan tindakan-tindakan yang dikerjakan oleh delegasinya kepada umum untuk mengurangkan kekerasan – dan juga untuk memastikan agar tentera menghormati jaminan tersebut. Tanpa sokongan daripada para pegawai peringkat tinggi dalam kerajaan, kejayaan gencatan senjata tidak akan dapat dipastikan, kerana delegasi dialog Thai tidak dapat mengeluarkan arahan tentang peletakan dan operasi pihak keselamatan.

Seorang pegawai keselamatan sivil menegaskan bahawa penyelenggaraan antara pasukan dialog dan tentera bertambah baik.⁸⁵ Ini memang menggalakkan, tetapi tentera itu sendiri tidak terletak di bawah kawalan sivil yang bermakna, dan komander Kawasan Tentera Keempat mempunyai kebebasan yang luas untuk mengendalikan keadaan di wilayah-wilayah sempadan selatan. Di samping itu, undang-undang istimewa pula memberikan kuasa yang amat luas kepada pasukan keselamatan dalam operasi di wilayah sempadan selatan. Menurut laporan, Jeneral Wanlop telah pun menekan pihak tentera agar mengurangkan operasi keselamatan terlebih dahulu sebelum pusingan dialog yang terbaru.⁸⁶ Di

⁸³ Wawancara Crisis Group, aktivis Melayu-Muslim, Yala, Februari 2022; pegawai keselamatan Thai, Bangkok, 1 Mac 2022. Tiga jenis undang-undang istimewa dikuatkuasakan di seluruh wilayah sempadan selatan, termasuk Undang-undang Perang, Dikri Darurat bagi Pentadbiran Awam dalam Keadaan Darurat 2005 dan Akta Keselamatan Negara 2008 (ISA). Dikri Darurat dikuatkuasakan pada 19 Julai 2005 di Narathiwat, Pattani dan Yala, dan diperbahalui oleh kabinet setiap tiga bulan sejak itu hingga kini. Seksyen 17 Dikri Darurat memberikan para pegawai penguat kuasa kekebalan undang-undang daripada tuduhan terhadap sebarang tindakan yang dilakukan semasa menjalankan tugas. Undang-undang Perang mengizinkan pihak berkuasa untuk menahan para suspek sehingga tempoh tujuh hari tanpa tuduhan. Digabungkan dengan Dikri Darurat, ia membolehkan para pegawai keselamatan menahan suspek selama 37 hari. Pada 2021, Dikri Darurat diangkat di tujuh buah daerah: Mae Lan dan Mai Kaen di Pattani; Betong dan Kabang di Yala, dan Sungai Kolok, Sukhirin, Si Sakhon dan Waeng di Narathiwat. ISA dikenakan di beberapa daerah dalam wilayah Songkhla, iaitu Chana, Na Thawi, Saba Yoi dan Thepha. "Tujuh buah daerah dikeluarkan daripada wilayah penguatkuasaan Dikri Darurat di Bahagian Paling Selatan Thailand", Jabatan Perdana Menteri, 4 Jun 2021.

⁸⁴ Wawancara Crisis Group, aktivis beragama Buddha, Yala, 15 Februari 2022.

⁸⁵ Wawancara Crisis Group, pegawai-pegawai keselamatan, Bangkok dan Pattani, Februari 2022. #

⁸⁶ Jeneral Wanlop mempunyai beberapa cara untuk memujuk tentera. Beliau mendapat naungan daripada Timbalan Perdana Menteri Prawit Wongsuwan, seorang bekas panglima

pihak yang lain pula, para pegawai tentera mempertahankan penggunaan kekerasan, dengan menegaskan bahawa mereka tidak menginisiatifkan keganasan.⁸⁷

Di bawah keadaan begini, jaminan untuk mengurangkan kekerasan daripada kedua pihak, dilaksanakan tanpa pemantauan yang berkesan serta persiapan yang secukupnya, menghadapi risiko untuk mengulangi kegagalan yang dialami oleh inisiatif damai Ramadan pada 2013. Pada ketika itu Malaysia mendesak kedua belah pihak untuk menyetujui pengurangan kekerasan secara sukarela selama 40 hari; tetapi para wakil pihak Thai dan BRN tidak menghadiri pengumuman “persefahaman bersama” ini. Pada ketika itu tidak ada saling kepercayaan antara para pihak, dan juga persediaan untuk mekanism pemantauan. Siri pembunuhan berlaku, termasuk juga serangan-serangan yang jelas bertujuan untuk mensabotaj gencatan senjata setelah keadaan tenang selama seminggu.⁸⁸ Sekarang terdapat kebimbangan bahawa corak ini akan diulangi semula.⁸⁹

C. Mengekalkan Momentum

Kemajuan proses damai bergantung kepada ketekunan dan kebijaksanaan para penyokong dalam semua pihak untuk menggerakkan proses ke depan di tengah-tengah keadaan yang serba mencabar dan tentangan yang aktif.

Para pemimpin BRN perlu mempertimbangkan tindakan-tindakan dalaman yang perlu untuk menjambatani jurang pemisah antara sayap tentera dan sayap politik agar keputusan yang diambil di meja rundingan dihormati di lapangan. Tidak banyak perkara dapat dilakukan oleh orang-orang luar untuk proses ini, tetapi pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan antarabangsa harus meneruskan usaha untuk meningkatkan keupayaan.⁹⁰ Jika BRN menyatakan wawasan politik yang jelas dan memberikan komitmen yang serius, maka ia akan dapat meningkatkan identiti politiknya dan kesatuan dalaman. Langkah ini harus disertakan dengan kebertanggungjawapan (akauntabiliti) terhadap komitmen seperti ini. Hal ini kemungkinan berisiko, namun sepatutnya dilakukan oleh

tertinggi tentera darat yang bersara dan masih mengekalkan pengaruhnya atas para pegawai tentera.

⁸⁷ Wawancara Crisis Group, Abdulrohman Molo, ahli akademik, Hat Yai, 18 Februari 2022; pegawai keselamatan Thai, Bangkok, 1 Mac 2022; Let Gen Thira Daewa, timbalan pengarah, Pusat Ketumbukan Operasi Keselamatan Dalaman Daerah 4, Pusat Ketumbukan Depan Yala, 4 Mac 2022.

⁸⁸ Laporan Crisis Group, *Dialogue in Doubt*, op. cit., pp. 5-6.

⁸⁹ Pada 5 April, seorang Melayu-Muslim ditembak mati di daerah Mae Kaen, Pattani. Pihak berkuasa mengumumkan bahawa pembunuhan ini berkaitan dengan pengedaran dadah. “~~การยิง~~ ~~ระเบิด~~ ~~ใน~~ ~~พื้นที่~~ ~~BRN~~ ~~อำเภอ~~ ~~หนอง~~ ~~สาคร~~” [Pos BRN memprotes pada permulaan gencatan senjata Ramadan – timbalan panglima menjawab] Isra News, 6 April 2022. Pada awal pagi 9 April, seorang guru agam Islam ditembak mati di daerah Nogchik, Pattani.

⁹⁰ Pada awal 2020, para wakil BRN menandatangani dokumen Pernyataan Komitmen untuk perlindungan kanak-kanak daripada Kesan Konflik Bersenjata (the Deed of Commitment for the Protection of Children from the Effects of Armed Conflict) di bawah naungan Geneva Call, sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang bekerja tentang undang-undang kemanusiaan antarabangsa. “Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani berkomited untuk perlindungan kanak-kanak secara lebih meluas”, Geneva Call, 19 March 2020.

mereka yang bercita-cita untuk mentadbir wilayah ini. BRN juga harus menghormati budi bicara para pemimpin pertubuhan separatis yang lain agar mereka sanggup menyertai proses.

Pada pihak Thai pula, orang yang menyokong dialog tidak boleh menunggu lama untuk kedatangan kerajaan yang lebih demokrasi atau reformasi hubungan sivil-tentera. Sebagai langkah segera untuk mengukuhkan proses damai, kerajaan patut memperuntukkan sumber yang secukupnya kepada Majlis Keselamatan Negara untuk seorang setiausaha sepenuh masa untuk dialog damai. Pada ketika ini, majlis tersebut meminjam para kakitangan untuk pasukan dialog daripada agensi-agensinya yang lain, dengan menugaskan mereka untuk terlibat dalam dialog.⁹¹ Sokongan secara lisan daripada Perdana Menteri serta kabinetnya akan dapat membina keyakinan yang lebih besar terhadap proses dan boleh mengurangkan kebimbangan sesetengah pegawai keselamatan bahawa dialog ini akan digunakan sebagai alasan untuk membahayakan kedaulatan negara. Perdana Menteri juga harus mengesahkan secara rasmi langkah-langkah yang digalakkan oleh panel dialog untuk mengurangkan kekerasan.

Sebagai fasilitator dialog, kedudukan Malaysia kurang jelas. Keterlibatannya mustahak, kerana para pemimpin BRN dan pejuang Patani menggunakannya sebagai tempat perlindungan. Namun, sejak 2013, BRN dan para pegawai Thai menyatakan keraguan tentang presitasi Kuala Lumpur sebagai fasilitator. Thailand khawatir bahawa Malaysia – yang menjadi tuan rumah bagi BRN – berat sebelah. Menurut seorang pegawai Thai, fasilitator ada kalanya “terlupa” persetujuan antara Thailand dan BRN, maka persetujuan seperti ini diletakkan di luar perbincangan mengenai isu-isu substantif.⁹² BRN pula tidak senang hati dengan tekanan yang diberikan agar mematuhi bimbingan Malaysia di meja rundingan rasmi dan meninggalkan pertemuan saluran rasmi yang lebih lancar dengan para pegawai Thai.⁹³ Menurut seorang wartawan Melayu Muslim, “Sesetengah pejuang lama berpendapat bahawa Malaysia menggerakkan proses terlalu cepat dan terlampau mengawal para pejuang kerana mengutamakan kepentingan negara mereka”.⁹⁴ Pendekatan yang digunakan sekarang mungkin akan menjejaskan reputasi Malaysia, maka para pemimpinnya mungkin boleh menilai prosedur fasilitasi serta stafnya semula.

Kuala Lumpur perlu, terutamanya, menerima pertemuan saluran belakang sebagai pelengkap dialog damai rasmi. Salah satu tujuan dialog tertutup tidak rasmi ini adalah bagi pihak yang berkonflik dapat melakukan tugas yang sukar untuk membina hubungan baik dan mengesani kepentingan bersama. Pertemuan saluran belakang juga membebaskan para pihak daripada bebanan untuk mendapatkan sokongan daripada para penyokong masing-masing, kerana usaha seperti ini selalunya bertentangan dengan tujuan dialog. Menurut Che Muda daripada delegasi BRN, “BRN menganggap [saluran belakang] sebagai pelicin bagi proses rasmi”.⁹⁵ Malaysia telah pun menyatakan rasa tersinggung dengan perhubungan yang tidak rasmi ini, namun manfaatnya sudah terbukti, dengan

⁹¹ Wawancara Crisis Group, pegawai keselamatan Thai, Bangkok, Mac 2022.

⁹² Wawancara Crisis Group, pegawai keselamatan Thai, Bangkok, Mac 2020.

⁹³ Wawancara Crisis Group, anggota kanan BRN, Februari 2022.

⁹⁴ Wawancara Crisis Group, wartawan Melayu-Muslim, Pattani, Februari 2022.

⁹⁵ Wawancara telefon oleh Crisis Group, Februari 2022.

membuka jalan bagi BRN untuk kembali ke meja rundingan dan menghasilkan idea-idea untuk perbincangan. Semua pihak patut memberikan kemudahan kepada segala usaha untuk perbincangan yang lebih kerap dan terbuka antara Bangkok dan BRN, walaupun di luar sesi pleno yang rasmi.

VI. Kesimpulan

Usaha untuk mencapai penyelesaian melalui rundingan bagi konflik di bahagian paling selatan Thailand itu tidak mudah dan akan mengambil masa yang lama. Cabarannya amat besar, dan para pelaku utama di meja rundingan daripada kedua-dua pihak juga tidak yakin sama ada mereka akan dapat memperolehi lebih banyak hasil daripada meneruskan perlawanan. Perkiraan seperti ini hanya akan berubah secara perlahan-lahan sahaja, tetapi kemajuan dalam dialog akan dapat membantunya. Pasukan rundingan perlu bekerja keras untuk menciptakan mekanism konsultasi awam serta pengurangan kekerasan yang efektif dan inkulsif. Mereka perlu bersedia menghadapi rintangan-rintangan yang mungkin muncul, dan tidak harus membiarkannya sehingga menggagalkan dialog. Pada peringkat ini, yang mustahaknya usaha untuk terus menggerakkan proses ke depan, dengan semua pihak berpegang kepada amanahnya untuk menamatkan keganasan berterusan selama hampir dua dekad yang mengorbankan banyak nyawa.

Bangkok/Brussels, 19 April 2022

Lampiran A: Peta Thailand



International Crisis Group/KO/Dec 2015. Based on UN map no. 3853 Rev. 2 (July 2009).



International Crisis Group

Ibu Pejabat

Avenue Louise 235, 1050 Brussels, Belgium

Tel: +32 2 502 90 38

brussels@crisisgroup.org

Pejabat New York

newyork@crisisgroup.org

Pejabat Washington

washington@crisisgroup.org

Pejabat London

london@crisisgroup.org

Pejabat Peringkat Serantau dan Perwakilan Lapangan

Crisis Group juga beroperasi di lebih daripada 25 lokasi di in Afrika, Asia, Eropah, Timur Tengah and Amerika Latin.

Lihat www.crisisgroup.org untuk butir-butir

MENCEGAH PERANG MEMBINA KEDAMAIAN.